




UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اوانيزستي فنديديقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



BUKU  
**PANDUAN**  
&  
**2022**  
SYARAT  
**KEMASUKAN**

DIPLOMA & IJAZAH MUDA



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اونیورسیتی ڦنديدين سلطان ادریس

---

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# ISI KANDUNGAN

Sejarah UPSI	1 - 14
Jumlah Program yang Ditawarkan	15
Jeni-jenis Tapisan Kemasukan	16
Cara-Cara Permohonan Melalui UPU	17
Cara-Cara Permohonan Melalui UPSI	18
Tawaran Program Mengikut Kategori	19 - 23
Syarat Sarjana Muda :	24
i. Syarat Am Sarjana Muda	25
ii. Syarat Mengikut Fakulti	
a) Fakulti Bahasa Dan Komunikasi	26 - 31
b) Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan	32 - 35
c) Fakulti Pembangunan Manusia	36 - 39
d) Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi	40 - 49
e) Fakulti Sains Dan Matematik	50 - 55
f) Fakulti Teknikal Dan Vokasional	56 - 63
g) Fakulti Seni, Komputeran Dan Industri Kreatif	64 - 71
h) Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan	72 - 75
i) Fakulti Sains Kemanusiaan	76 - 83
Syarat Diploma	84 - 88
Kadar Yuran	89 - 93

# Gemilang di hamparan **TIGA ERA**



**U**niversiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang penting dalam lipatan sejarah pendidikan negara. Institusi ini berkembang secara berperingkat daripada sebuah maktab ke sebuah universiti melalui empat era iaitu Sultan Idris Training College (29 November 1922 – 1957), Maktab Perguruan Sultan Idris (1957 -1987), Institut Perguruan

Sultan Idris (21 Februari 1987- April 1997) dan era UPSI bermula tanggal 1 Mei 1997 apabila ia diperbadankan di bawah Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997 menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 132 & 133 yang bertarikh 24 Februari 1997.



Peranan Richard Olaf Winstedt (R.O. Winstedt) tercatat dalam sejarah SITC sebagai tokoh Inggeris terawal yang mencadangkan penubuhan sebuah maktab bagi melatih guru dan meluaskan skop pendidikan ke Persidangan Residen-residen pada 10 Mei 1917. Kriteria lokasi tapak SITC mestilah subur bagi menampung keperluan kurikulum yang berteraskan pertanian, memiliki kemudahan pengangkutan awam

terutamanya rangkaian kereta api, jalan raya dan sungai serta memiliki komposisi penduduk sederhana ramai. Justeru, daerah Tanjong Malim menjadi pilihan tempat paling sesuai dan menepati ciri-ciri lokasi dan faktor geografi.

Pada 26 Mei 1917, Tanjong Malim secara rasmi dipilih sebagai tempat pembinaan maktab dan diberi nama Sultan Idris Training College (SITC) bagi



Sultan Idris Training  
College (SITC)  
29 November 1922 - 1957



Maktab Perguruan  
Sultan Idris (MPSI)  
1957 - 1987



Institut Perguruan  
Sultan Idris (IPSI)  
21 Februari 1987 - 1997



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

1 Mei 1997 hingga kini

**1922**

35 tahun

**1957**

30 tahun

**1987**

10 tahun

**1997**

25 tahun

**2022**



Alharmhum DYMM Paduka Seri Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah, Sultan Perak yang ke-28

mengenang jasa Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah iaitu Sultan Perak yang ke-28 yang memerintah negeri Perak antara tahun 1889 - 1916. Pembinaan kampus SITC di atas tanah seluas 64 hektar bermula pada bulan Ogos 1919 dengan reka bentuk seni bina ala-Gothic Zaman Pertengahan dan siap sepenuhnya pada 29 November 1922. Seterusnya dirasmikan oleh Sir W. George Maxwell,



Lawatan DYMM Paduka Seri Sultan Abdul Jalil ke Tanjung Malim tahun 1917. Bergambar di hadapan rumah rehat Tanjung Malim



Penuntut Sulung SITC pada tahun 1922

Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Pada 19 November 1922, SITC mula melatih bakal guru dengan kumpulan pertama berjumlah 120 orang. Kurikulumnya tertumpu kepada ilmu asas keguruan di samping kemahiran kraf tangan dan pertanian. Antara

tenaga pengajar terawal ialah O.T. Dussek (Pengetua), M.R. Holgate, W.B.O. Sir Williams, D.H. Ghrist, Mohammad Hashim Hj. Taib, Noordin Hj. Harun, Ibrahim Dato' Muda Linggi, Abdul Rahman Hj. Muhyiddin, Hanafiah Md. Saman, Mohamad Said Hj. Hussin, Abdul Hadi, Mr. W. Olaguera (Manila) dan Lebai Jaafar Abdul Rashid (guru al-Quran).

Penubuhan SITC dianggap sebagai satu era baru yang menyemarakkan lagi alam pemikiran dan pendidikan bangsa Melayu. Pengarah Pelajaran



Zainal Abidin Ahmad atau Pendeta Za'ba



O. T. Dussek, Pengetua Pertama SITC



Kunjungan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ke SITC

Negeri-negeri Selat, Tuan Wolffe dalam ucapannya sewaktu perasmian SITC menyatakan bahawa hari tersebut adalah detik bersejarah dalam perkembangan pendidikan vernakular Melayu dan merupakan pengiktirafan serta penghargaan yang tidak ada tolok bandingnya bagi meningkatkan taraf pendidikan anak-anak Melayu, bukan sahaja kepada Melayu di Tanah Melayu, malah dari Brunei, British Borneo dan Singapura.



Tun Abdul Razak bin Hussien semasa perasmian perayaan Jubli Emas Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim pada 20 Julai 1973



Pelajar-pelajar wanita semasa era MPSI

Pada Mac 1924, SITC menghasilkan guru terlatihnya yang pertama seramai 58 orang. Kemasukan dan jumlah guru terlatih yang dikeluarkan terus meningkat dari tahun ke tahun. Pada era ini juga bermulanya usaha membina peradaban bangsa menerusi bahasa



Konvokesyen MPSI pada tahun 1975 di Bangunan Suluh Budiman

Melayu yang dimainkan oleh Pejabat Karang Mengarang terutamanya di tangan Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Pendeta Za'ba (r.h).

Pada tahun 1957, nama SITC ditukarkan kepada nama Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) selaras dengan cadangan Laporan Razak. Perubahan ini telah menukar wajah dan identiti



Konvokesyen semasa era IPSI

pusat pendidikan guru ini daripada dibayangi oleh orang Eropah kepada perwatakan dan keperibadian orang Melayu.

Ia menjadi medan pengungkap bicara dan suara hati para cerdik pandai dan nasionalis di samping kewujudan bahasa Melayu sebagai satu korpus dan dikukuhkan lagi dengan kemunculan tradisi penulisan kreatif dalam kalangan guru pelatih dan tenaga pengajar yang bertunas sejak era SITC, kini berkembang mekar. Pada waktu inilah munculnya beberapa tokoh besar dalam genre sastera seperti A. Wahab Ali, Ali Majod, Kasmani Haji Arif, Awang Had Salleh, Hassan Ali, Othman Puteh, Rahman Shaari, Dharmawijaya, Kemala, Suhaimi



Pendaftaran pelajar baharu semasa era UPSI

Haji Mohammad, Shahnon Ahmad, Suratman Markasan, Masuri S.N. dan Yura Halim.

Era MPSI berakhir pada 21 Februari 1987 apabila tarafnya sebagai sebuah maktab dipertingkatkan lagi menjadi sebuah institut dengan nama Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI). Sesuai dengan keperluan semasa yang lebih mencabar, IPSI mengorak langkah panjang dengan memperkenalkan Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK) pada tahun 1987, Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) bermula pada tahun 1988



Pendaftaran pelajar baharu semasa era UPSI

dan pada tahun 1993 mengadakan kursus berkembar dengan universiti tempatan.

IPSI memasuki era baharunya pada tahun 1997 apabila institusi ini secara rasmi dinaik taraf sebagai sebuah universiti bagi menjalankan perintah kerajaan menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 132 dan 133 bertarikh 24 Februari 1997, maka bermula 1 Mei 1997, tertubuhlah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dikenali hari ini dengan nama singkatannya UPSI. UPSI mula beroperasi sebagai sebuah universiti pada 2 Mei 1997 dengan pelajarnya seramai 350 orang. Datuk Dr. Ashari Che Mat telah dilantik sebagai Naib

Canselor Pertama manakala Profesor Dr. Abu Bakar Nordin (kini bergelar Dato') sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan dibantu oleh Encik Sayuti Sahlan sebagai Pendaftar, Encik Yusof Semahil (Bendahari) di samping



Lawatan Menteri Pendidikan ke UPSI ketika itu,  
YB Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohammad pada  
24 Januari 2000

enam orang kakitangan pentadbiran dan 29 orang tenaga akademik yang kebanyakannya dipinjam dari pelbagai agensi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pembangunan infrastruktur bermula dengan pembinaan Bangunan Canselori pada tahun 1999 dan Kompleks

Pintu Gerbang Kampus Sultan Azlan Shah,  
Proton City



Kediaman Siswa di Behrang Ulu yang terdiri daripada Kolej Za'ba dan Kolej Aminuddin Baki. Pada awal tahun 2001, pembangunan semakin rancak dilaksanakan dengan pembinaan kompleks Gimnasium, Perpustakaan, Auditorium, Kompleks Pendidikan Muzik, dewan-dewan kuliah dan lain-lain. Beberapa kemudahan sedia ada dari warisan SITC-MPSI-IPSI dibaik pulih dengan beberapa pembaharuan, sesuai



Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil merupakan pusat pentadbiran utama UPSI



dengan kemajuan teknologi di samping mengekalkan struktur asalnya. Bangunan E-Learning yang siap pembinaannya pada tahun 2010 melegakan UPSI kerana ia dapat menyediakan bilik kuliah bersaiz besar, bilik tutorial, makmal komputer, ruang pejabat, pusat konvensyen dan kemudahan pendidikan jarak jauh.

Menyedari Kampus Sultan Abdul Jalil Shah tidak dapat menampung keperluan pelajar, pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah sebagai tambahan kepada Kampus Sultan Abdul Jalil Shah telah bermula sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) lagi. Pada peringkat awal tapak yang dicadangkan adalah di Kuala Kangsar, Perak. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah memutuskan supaya kampus baharu UPSI dibina di Proton City, Behrang Ulu dengan keluasan 800 ekar.

Tapak Kampus Sultan Azlan Shah di Bandar Baru Proton City memberikan impak pembangunan kepada kawasan sekitar terutamanya kepada Bandar Proton sendiri. Berdekatan dengan Pusat Komersial Bandar Proton

dan Kilang Proton, kawasan ini juga diindahkan oleh latar belakang kehijauan Banjaran Titiwangsa yang segar dan mengasyikkan. Keindahan sumber alam semula jadi ini menjadi nilai tambah dalam proses pembelajaran mahasiswa UPSI. Kejernihan air dalam anak sungai



Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor SUKSIS Universiti Awam Malaysia Kali Ke-14 pada 12 Ogos 2018

dari Banjaran Titiwangsa yang mengalir ke tasik di tengah kampus mampu menjadi daya tarikan aktiviti sukan, riadah dan pelancongan.



Istiadat Konvokesyen di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City



Majlis Pelancaran Pecah Tanah Kampus Baru Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 22 April 2002 oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Kementerian Pengajian Tinggi dan Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan siling peruntukan sebanyak RM460,469,000.00 bagi melaksanakan projek ini. Pada 26 Jun 2006 pihak kerajaan telah melantik JKR Cawangan Kerja Pendidikan sebagai Pengurus Projek bagi pihak UPSI. Dalam mesyuarat kedua pada 19 Julai 2006, keputusan dibuat untuk menjalankan projek ini



Penganugerahan Ijazah Kehormat kepada Tun Dr Mahathir bin Mohamad dan Tun Siti Hasmah sempena Istiadat Konvokesyen Ke-6 pada 24 Ogos 2004

dalam dua pakej iaitu Pakej Infrastruktur dan Pakej Bangunan. Pada 1 Mac 2007 bagi Pakej 1- Kerja-kerja Fizikal dan Infrastruktur Luaran dimulakan. Pakej ini telah dilaksanakan oleh pihak JKR Cawangan Pengajian Tinggi setelah harga kontrak dimuktamadkan sebanyak RM35,100,000.00. Skop kerja yang terlibat ialah seperti penyediaan infrastruktur bagi jalan, sistem saliran, sistem

bekalan air, sistem pembentangan, penyediaan infrastruktur elektrik dan telekomunikasi, pagar sempadan, kolam takungan, kerja-kerja tanah dan landskap. Pelaksanaan kerja-kerja ini telah berjalan lancar tanpa menghadapi sebarang masalah dan projek telah disiapkan pada 28 April 2008.

Bagi Pakej 2-kerja-kerja bangunan pula, harga kontrak telah dimuktamadkan pada 1 Ogos 2008 iaitu sebanyak RM419,250,000.00. Projek ini dilaksanakan mulai 1 Ogos 2008 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Januari 2012. Kompenan-kompenan asal projek yang telah siap dilaksanakan ialah Komplek Sains dan Teknologi, Dewan Kuliah Pusat, Dewan Besar dan Panggung Percubaan, Kafetaria, Rotu, Balai Pengawal dan Pos Pengawal, Pusat Pelajar, Pusat Komputer, Surau dan Pusat Islam.

Dalam aspek pembangunan akademik, UPSI bermula dengan empat buah fakulti. Kini, UPSI memiliki sembilan fakulti dan satu Institut Pengajian Siswazah. Antara fakulti tersebut adalah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Fakulti

Pendidikan dan Pembangunan Manusia (kini Fakulti Pembangunan Manusia), Fakulti Sains dan Matematik, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (kini Fakulti Teknikal dan Vokasional).

UPSI memiliki pusat-pusat kecemerlangan dan kepakaran seperti Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (National Child Development Research Centre - NCDRC), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Pusat ICT, Institut Peradaban Melayu, Pejabat Karang Mengarang (Penerbit Universiti), Muzium Pendidikan Nasional.



Bangunan e-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil

2011 manakala Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim dimasyurkan sebagai Canselor UPSI yang kedua pada 1 Januari 2012 hingga sekarang.

Dari sudut pucuk pimpinan, UPSI telah melalui beberapa pemimpin yang bermula dengan Datuk Dr. Ashari Che Mat dari tahun 1997 hingga 2001 yang menggerakkan UPSI dalam serba kekurangan sama ada bangunan mahu pun kakitangan. Beliau diganti oleh Profesor Dato' Ir. Dr. Mohammad Noor Salleh dari tahun 2001 sehingga 2004. Pada zaman kepimpinannya, beliau memulakan projek pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah di Behrang Ulu yang menjanjikan kemudahan lebih selesa

kepada warga UPSI. Perkembangan ini diikuti dengan pertambahan fakulti dan program pengajian serta diikuti dengan pertambahan kakitangan sokongan dan ahli akademik.



Perasmian Kampus Sultan Azlan Shah pada 16 Jun 2012 disempurnakan oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

Sejak ditubuhkan, UPSI telah berada di bawah naungan dua Canselor iaitu Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Bainun yang dimasyurkan sebagai Canselor UPSI yang pertama pada tahun 1999 hingga

Naib Canselor ketiga adalah Datuk Dr. Muhammad Rais Abdul Karim (kini Tan Sri) yang menumpukan usaha mengukuhkan peribadi warga UPSI melalui enam Nilai Bitara menjadi amalan warga UPSI iaitu; Berintegriti, Profesional, Semangat Berpasukan, Berorientasikan Pelanggan, Prihatin Kebajikan Anggota serta Kreatif dan Inovatif.

Naib Canselor keempat adalah Profesor Dato' Dr. Aminah Ayob dari tahun 2007 hingga 2011. Beliau ialah seorang pemimpin wanita yang berkebolehan dalam menerajui UPSI, sangat prihatin terhadap kebajikan kakitangan, serta keperluan terhadap perkembangan akademik dan pentadbiran. Kepimpinan beliau telah membawa nama UPSI jauh ke peringkat antarabangsa selaras dengan hala tuju dan wawasan universiti untuk menjadi universiti yang bitara di peringkat global.



Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara di UPSI merupakan pusat data pusat TASKA dan TADIKA dari seluruh negara yang sentiasa menjadi rujukan pelbagai pihak termasuk Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

Mulai 1 September 2011 hingga 23 Februari 2017, di bawah kepimpinan Naib Canselor Kelima, Profesor Dato' Dr. Zakaria Kasa, UPSI mula mencatat nama di pentas antarabangsa. Pelbagai kejayaan dicatat antaranya UPSI dilantik sebagai Pengerusi, Konsortium Universiti Pendidikan di Asia Pasifik, UPSI menjadi satu-satunya universiti di Malaysia menganggotai ISEP, pelbagai MoU dan MoA ditandatangani dengan agensi luar negara.

Semasa pentadbiran beliau, Bangunan NCDRC, Makmal Penyelidikan Pendidikan, pembinaan menara jam dan sebagainya siap dan digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kerajaan telah mengumumkan pembinaan projek UPSI Kampus Teluk Intan.



UPSI berjaya menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara mengikuti pengajian di UPSI

Bagi merealisasikan pembinaan kampus yang bakal menempatkan Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) ini, kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak RM40 juta dalam Rancangan Malaysia ke-10, dan telah bertambah sebanyak RM137.4 juta dalam Rancangan Malaysia ke-11 menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM177.4 juta untuk pembinaan kampus ini.

Jika pembinaan FTV seluas 80 ekar ini dapat direalisasikan penghujung tahun 2019, kampus itu bakal menempatkan sekurang-kurangnya 1,000 orang bakal guru. Ia juga akan dilengkapi dengan ruang pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar meliputi ruang pentadbiran dan ruang sokongan, bilik kuliah dan tutorial,




UPSI universiti pertama di Asia yang mempunyai taman rekreasi berteknologi tinggi yang dikenali sebagai 'UPSI Adventure Park'



Dewan Konvensyen UPSI, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

bengkel-bengkel, kompleks kediaman pelajar, rumah pengetua dan felo, surau, dewan serbaguna, kafeteria, kemudahan beriadah dan keperluan umum lain yang lebih kondusif dan dinamik.



Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang bakal mencecah usia satu abad tahun depan

Pada 24 Februari 2017, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran dilantik sebagai Naib Canselor Keenam untuk tempoh tiga tahun. Dengan membawa moto #cemerlangbersama, pelbagai perancangan disusun untuk membawa UPSI ke landasan kegemilangan sejarahnya seperti era SITC, MPSI dan IPSI. Sasaran untuk



tiga tahun ialah mewujudkan *smart classroom* di setiap fakulti, transformasi pedagogi pengajaran, menubuhkan Pusat Kepimpinan Ulul Albab, dan dalam pentadbiran beliau menyusun semula organisasi. Dua buah fakulti telah dijenamakan semula iaitu Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia ditukar kepada Fakulti Pembangunan Manusia, serta Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional dijenamakan sebagai Fakulti Teknikal dan Vokasional.

Pada 24 Jun 2021, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff



Pusat Renang UPSI bersaiz olimpik yang dibuka kepada seluruh staf dan pelajar UPSI serta pengunjung umum



Scholar's Suite merupakan pusat hospitaliti utama UPSI

diamanahkan tanggungjawab sebagai Naib Canselor untuk memimpin UPSI. Sebelum pelantikan itu, beliau telah mencetuskan pelbagai idea bernas dan menarik seperti UPSI Sport City, UPSI Adventure Park serta Adventure Leadership & Outdoor Recreation Academy (AURORA). Dengan pelantikan itu, beliau kini mengorak langkah untuk membina kejayaan lebih besar

bukan sahaja di dalam, malah di pentas antarabangsa.

Di bawah kepemimpinan beliau, UPSI disenaraikan antara universiti yang menduduki 801 - 1000 (Top 3%) Times Higher Education (THE), World University Rankings 2021 iaitu antara lapan yang teratas universiti di Malaysia, menduduki tangga 101 dunia dalam bidang ekonomi baharu (Emerging Economies) dalam senarai The World University Ranking 2022, menduduki kedudukan tunggal ke- 205 dalam QS The World University Ranking peringkat Asia dan menduduki tangga 176-200 dalam bidang pendidikan, dalam senarai The World University Ranking 2022. Tahun 2022, UPSI akan

mahasiswa dalam pelbagai bidang. Penubuhan UPSI secara tidak langsung menjadikannya sebagai satu-satunya universiti pendidikan di negara ini yang memfokuskan pendidikan guru. Bidang pendidikan telah dijadikan asas untuk UPSI mengorak langkah merangka hala tuju baharu iaitu melonjakkan reputasi UPSI sebagai Universiti No.1 Pendidikan di Malaysia dan di rantau ini. Bagi memastikan hala tuju baharu ini tercapai dan sentiasa di landasan yang betul, beberapa pelan tindakan telah diatur melalui Pelan Strategik UPSI (2015-2020) yang mempunyai lima teras utama iaitu selaras dengan 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.



memyambut ulang tahun ke-100 merentasi empat era iaitu SITC-MPSI-IPSI-UPSI. Kemajuan demi kemajuan sedang dicapai dengan harapan UPSI masyhur di pentas antarabangsa.

Mengimbau kegemilangan sejarah SITC-MPSI-IPSI, dan dalam tempoh 24 tahun penubuhan UPSI hingga kini, pelbagai kejayaan telah diukir dan dicipta oleh kakitangan dan

Semoga dengan segala inisiatif dan merealisasikan lonjakan yang dirancang dan dilaksanakan ini, UPSI akan terus maju dalam melahirkan modal insan negara sama ada dalam profesion keguruan maupun dalam profesion yang lain. Segala kejayaan dan kecemerlangan UPSI, adalah kejayaan semua warganya. Tanpa

komitmen dan kesungguhan warga UPSI dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan, nescaya UPSI tidak akan berada di kedudukan sekarang ini.

## Jumlah Program Yang DITAWARKAN



**4** Kali Permohonan Kemasukan Dibuka.  
Berikut Adalah Perincian Jenis Program  
Yang Dibuka Sepanjang Tahun

**Program SARJANA MUDA**

Melalui UPU ONLINE  
<http://upu.moe.gov.my>

**Ogos**

**Program DIPLOMA**

Melalui UPU ONLINE  
<http://upu.moe.gov.my>

**Program SARJANA MUDA**

MELALUI WEB UPSI  
<http://www.upsi.edu.my/online>

**Mac**


**Januari**

**Program DIPLOMA**

MELALUI WEB UPSI  
<http://www.upsi.edu.my/online>

Bagi Kemasukan Ambilan Januari dan Mac, Penawaran adalah tertakluk kepada Kelulusan Senat Universiti. Universiti berhak untuk tidak membuka Permohonan pada Sesi Pengambilan tersebut.

# Jenis-Jenis TAPISAN KEMASUKAN



# Cara - Cara PERMOHONAN MELALUI UPU



# Cara - Cara PERMOHONAN TERUS KE UPSI

**4** Langkah  
Permohonan  
Kemasukan  
Semester Kedua  
(Diploma Jan &  
Sarjana Muda  
Mac)

**LIHAT IKLAN KEMASUKAN**  
Iklan Kemasukan akan dihebahkan  
melalui Surat Khabar seperti  
Berita Minggu dan Laman Web  
[www.upsi.edu.my/online](http://www.upsi.edu.my/online)

**ISI PERMOHONAN ATAS TALIAN**  
Isi Permohonan atas talian  
dengan Login menggunakan  
No. K/P dan No. Bitara ID.  
Lengkapkan Permohonan dan  
Rujuk Syarat Kemasukan  
sebelum memilih Program.

**BELI BITARA ID DIPLOMA/  
SARJANA MUDA**  
Wajib beli Bitara ID Diploma atau  
Sarjana Muda di mana-mana  
Bank Simpanan Nasional(BSN)  
dengan harga RM26.00.  
Rujuk Tarikh Pembelian Dibuka.

**HANTAR SALINAN DOKUMEN**  
Hantar salinan Dokumen untuk  
Tujuan Pengesahan. Sila pos @  
emel @ upload Salinan Dokumen  
di lokasi yang dinyatakan selepas  
pengesahan permohonan.  
Rujuk Tarikh-Tarikh Penting untuk  
mengetahui tindakan selanjutnya.

## PERINGATAN !!!

Sebelum mengisi  
permohonan, rujuk  
program yang  
ditawarkan dahulu

Rujuk tarikh-tarikh  
penting untuk elak  
tercicir bagi  
tindakan seterusnya  
cth: tarikh temu duga

Bagi lepasan Diploma,  
sila pastikan  
mempunyai keputusan  
MUET dan telah tamat  
pengajian sebelum  
memohon

Fakulti Bahasa & Komunikasi	STPM		Matrikulasi/Asasi		Diploma		Sastera		Sains		Asasi IPTS		AUSMAT/ ADFP/SAM		Sekolah Sukan		A Level		IB	
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	STAM	Sains	A Level	Sastera	Sains	A Level	IB	Asasi IPTS	AUSMAT/ ADFP/SAM	Sekolah Sukan	A Level	IB	Asasi IPTS	AUSMAT/ ADFP/SAM	Sekolah Sukan	A Level
ATO1 - SMP (Kesusasteraan Melayu)	➤																➤			
ATO5 - SMP (Bahasa Melayu)	➤	➤															➤			
ATO6 - SMP (TESL)	➤		➤														➤			
AT49 - SM Bahasa Arab Dengan Pendidikan		➤															➤			
AT50 - SM Bahasa Cina Dengan Pendidikan		➤															➤			
AT62 - SMP (Bahasa Tamil)		➤															➤			
AB14 - SM Komunikasi (Komunikasi Sosial)		➤															➤			
<b>Fakulti Muzik &amp; Seni Persembahan</b>																				
AT22 - SMP (Muzik)	➤	➤															➤			
AA06 - SM Seni Persembahan (Teater)		➤															➤			
AA56 - SM Seni Persembahan (Tari)		➤															➤			

Fakulti Pembangunan Manusia	STPM		Matrikulasi/Asasi Sastera Sains		Diploma Sastera Sains		STAM		A Level		Asasi IPTS		AUSMAT/ ADFP/SAM		Sekolah Sukan		IB	
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains
ATO4 - SMP (Bimbingan dan Kaunseling)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AT10 - SMP (Pendidikan Khas)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AT19 - SMP (Pendidikan Awal Kanak-kanak)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AA16 - SM Psikologi	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤

Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan	STPM		Matrikulasi/Asasi Sastera Sains		Diploma Sastera Sains		STAM		A Level		Asasi IPTS		AUSMAT/ ADFP/SAM		Sekolah Sukan		IB	
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains
ATO3 - SMP (Sains Sukan)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AT59 - SMP (Pendidikan Jasmani)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AT43 - SMP (Sains Kejurulatihan)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AS72 - SM Rehabilitasi Sukan	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤
AS74 - SM Sains Sukan (Sains Kejurulatihan)	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤	➤

Fakulti Teknikal & Vokasional	STPM		Matrikulasi/Asasi		Diploma		Sekolah Sukan	AUSMAT/ADFP/SAM	Asasi IPTS	IB
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	STAM	A Level				
AT07 - SMP (Ekonomi Rumah Tangga)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT09 - SMP (Sains Pertanian)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT19 - SMP (Reka Bentuk & Teknologi)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT64 - SMP (Reka Cipta)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
<b>Fakulti Sains Kemanusiaan</b>										
AT32 - SMP (Sejarah)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT33 - SMP (Geografi)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT35 - SMP (Pendidikan Islam)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT41 - SMP (Pendidikan Moral)	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT58 - SM Pengajian Malaysia Dengan Pendidikan Moral	➤	➤	➤	➤	➤	➤				
AT36 - SM Tafhiz Al-Quran & Qiraat dengan Pendidikan	➤	➤	➤	➤	➤	➤				


Fakulti Sains & Matematik	STPM		Matrikulasi/Asasi		Diploma		Sekolah Sukan		AUSMAT/ADFP/SAM		Asasi IPTS		IB		
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	STAM	A Level	Sastera	Sains	STAM	AUSMAT/ADFP/SAM	Asasi IPTS	IB	
AT11 - SMP (Biologi)	➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	➤	
AT12 - SMP (Fizik)	➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	➤	
AT13 - SMP (Kimia)	➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	➤	
AT14 - SMP (Matematik)	➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	➤	
AT16 - SMP (Sains)	➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	➤	
AT48 - SM Sains (Matematik Dengan Pendidikan)	➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	➤	
<b>Fakulti Seni, Komputeran &amp; Industri Kreatif</b>		STPM		Matrikulasi/Asasi		Diploma		Sekolah Sukan		AUSMAT/ADFP/SAM		Asasi IPTS		IB	
AT20 - SMP (Teknologi Maklumat)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	
AT23 - SMP (Seni)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	
AT46 - SMP (Multimedia)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	
AC10 - SM Kejuruteraan Perisian(Pendidikan)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	
AC33 - SM Reka Bentuk (Permainan Digital)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	
AH16 - SM Reka Bentuk (Pengiklanan)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	
AH17 - SM Reka Bentuk (Animasi)		➤		➤		➤		➤		➤		➤	➤	➤	

<b>Fakulti Pengurusan &amp; Ekonomi</b>	<b>STPM</b>		<b>Matrikulasi/Asasi</b>		<b>Diploma</b>		<b>IB</b>	
	Sastera	Sains	Sastera	Sains	Sastera	Sains	AUSMAT/ ADFP/SAM	Asasi IPTS
AT08 - SMP (Perakaunan)	➤		➤		➤		➤	
AT18 - SMP (Ekonomi)	➤		➤		➤		➤	
AT21 - SMP (Pegurusan Perniagaan)	➤		➤		➤		➤	
AE07 - SM Ekonomi (Kewangan)	➤		➤		➤		➤	
AE23 - SM Ekonomi (Kewangan Islam)	➤		➤		➤		➤	
AE02 - SM Perakaunan	➤		➤		➤		➤	
AE11 - SM Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia)			➤		➤		➤	
AE14 - SM Pentadbiran Perniagaan (Perkhidmatan Kewangan)			➤		➤		➤	



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
ونیورسیتی پندیدیقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



# SYARAT SARJANA MUDA

## **SYARAT AM**

**MENDAPAT SEKURANG-KURANGNYA  
LULUS SPM DENGAN GRED C DALAM  
BAHASA MELAYU/ BAHASA MELAYU  
KERTAS JULAI DAN LULUS SEJARAH  
(MULAI SPM TAHUN 2013)**

**DAN;**

**MENDAPAT SEKURANG-KURANGNYA LULUS STPM  
DENGAN PNGK 2.00 DAN GRED C PENGAJIAN AM  
DAN GRED DALAM DUA (2) MATA PELAJARAN LAIN**

**ATAU;**

**MENDAPAT SEKURANG-KURANGNYA LULUS  
MATRIKULASI/ ASASI UITM / ASASI UM / ASASI UKM  
DENGAN PNGK 2.00**

**ATAU;**

**MENDAPAT SEKURANG-KURANGNYA LULUS STAM  
DENGAN PANGKAT JAYYID**

**ATAU;**

**MILIKI DIPLOMA DENGAN MENDAPAT  
SEKURANG-KURANGNYA PNGK 2.50 DALAM BIDANG  
YANG RELEVEN**

**DAN;**

**MENDAPAT KEPUTUSAN MUET BAND 2 DAN KE  
ATAS**

**PERMOHONAN CALON YANG SEDANG BELAJAR DI MANA-MANA UA TIDAK  
AKAN DIPERTIMBANGKAN**

## **SYARAT TAMBAHAN**


- ◀ TERBUKA KEPADA WARGANEGARA SAHAJA
- ◀ PERMOHONAN MESTILAH BERUMUR TIDAK MELEBIHI 30 TAHUN SEMASA  
MENGEMUKAKAN PERMOHONAN
- ◀ LULUS MATEMATIK DALAM PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA/SETARAF
- ◀ CALON YANG MEMOHON HENDAKLAH SIHAT TUBUH BADAN, TIDAK MENGIDAP APA-APA  
PENYAKIT MENTAL ATAU FIZIKAL, DAN BERUPAYA MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM  
YANG DIRANGKA UNTUK KURSUS INI



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اوپرسیتی پندیدیقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



# FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan STPM
1.1	<b>IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU) DENGAN KEPUJIAN</b> <b>AT01</b> <b>8 Semester</b>	<p style="text-align: center;"><b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75</b> pada peringkat <b>STPM</b>  <b>dan</b>  Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B (NGMP 3.00)</b> pada peringkat <b>STPM</b> dalam mata pelajaran <b>Kesusasteraan Melayu</b>  <b>dan</b>  Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b>  <b>dan</b>  Melepas tahap minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEDSI)  <b>dan</b>  Lulus temu duga yang ditetapkan.  <b>dan</b>  Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 2.0/ 2</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b></p>
1.2	<b>IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) DENGAN KEPUJIAN</b> <b>AT05</b> <b>8 Semester</b>	<p style="text-align: center;"><b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75</b> pada peringkat <b>STPM</b>  <b>dan</b>  Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B (NGMP 3.00)</b> pada peringkat <b>STPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Melayu</b>  <b>dan</b>  Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b>  <b>dan</b>  Melepas tahap minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEDSI)  <b>dan</b>  Lulus temu duga yang ditetapkan  <b>dan</b>  Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 2.0/ 2</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b></p>

Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan STPM	Kelayakan Minimum Lepasan Matrikulasi/ Asasi	Kelayakan Minimum Lepasan STAM	Kelayakan Minimum Lepasan Diploma/ Setaraf
1.3	<b>IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA (TESL) DENGAN KEPUJIAN AT06 8 Semester</b>	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75</b> pada peringkat <b>STPM</b>  dan	Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75</b> pada peringkat <b>Matrikulasi/ Asasi</b>  dan	Mendapat sekurang-kurangnya <b>Jayyid Jiddan</b> pada peringkat <b>STAM</b>  dan	Memiliki <b>Diploma</b> dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75</b> dalam bidang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Inggeris dan</li> </ul>
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b>  dan			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred A-</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Inggeris</b>  dan			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 4.0/ 4</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b> atau setaraf ( <b>CEFR B2</b> )  dan			
		Melepas tahap minimum ujian <b>Malaysian Educators Selection Inventory (MEDSI)</b>  dan			
Lulus temu duga dan Ujian Khas yang ditetapkan					
Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan STPM	Kelayakan Minimum Lepasan STAM	Kelayakan Minimum Lepasan Diploma/ Setaraf	
1.4	<b>IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA ARAB DENGAN PENDIDIKAN DENGAN KEPUJIAN AT49 8 Semester</b>	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B (NGMP 3.00)</b> pada peringkat <b>STPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Arab</b>  dan	Mendapat sekurang-kurangnya <b>Tahap 'Jayyid'</b> dalam <b>dua (2) mata pelajaran</b> berikut pada peringkat <b>STAM</b> ; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Insya' dan Mutala'ah; dan</li> <li>• Nahu dan Sarf</li> </ul> dan	Memiliki <b>Diploma</b> yang menawarkan sekurang-kurangnya <b>tiga kursus yang berkaitan dengan bahasa Arab</b> dan memperolehi sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.75</b>  dan	
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b>  dan			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Arab/ Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/ Turath Bahasa Arab/ Al-Adab Wa Al-Balaghah</li> </ul> dan			
		Melepas tahap minimum ujian <b>Malaysian Educators Selection Inventory (MEDSI)</b>  dan			
		Lulus temu duga yang ditetapkan  dan			
Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 2.0/ 2</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b>					

Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan SPM	Kelayakan Minimum Lepasan Matrikulasi/ Asasi	Kelayakan Minimum Lepasan Diploma/ Setaraf	
1.5	<b>IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA CINA DENGAN PENDIDIKAN DENGAN KEPUJIAN</b> AT50 8 Semester	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>SPM</b> dan	Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>Matrikulasi/ Asasi</b>	Memiliki <b>Diploma</b> dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> dalam mana-mana bidang.	
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C (NGMP 2.00)</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Cina</b> atau	dan	dan	
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam <b>mana-mana satu (1)</b> mata pelajaran berikut;			
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa Cina/ Kesusasteraan Cina</li> </ul> dan			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b> dan			
		Melepas tahnah minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) dan			
1.6	<b>IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BAHASA TAMIL) DENGAN KEPUJIAN</b> AT62 8 Semester	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>SPM</b> dan	Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>Matrikulasi/ Asasi</b>	Memiliki <b>Diploma</b> dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> dalam mana-mana bidang.	
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C (NGMP 2.00)</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Tamil</b> atau	dan	dan	
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Tamil</b> dan			
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b> dan			
		Melepas tahnah minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) dan			
		Lulus temu duga yang ditetapkan dan			
Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 2.0/ 2</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b>					

Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan STPM	Kelayakan Minimum Lepasan Matrikulasi/ Asasi	Kelayakan Minimum Lepasan STAM	Kelayakan Minimum Lepasan Diploma/ Setaraf				
1.7	<b>IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KOMUNIKASI SOSIAL) DENGAN KEPUJIAN</b> AB14 7 Semester	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>							
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>STPM</b>	Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>Matrikulasi/ Asasi</b>	Mendapat sekurang-kurangnya <b>Jayyid</b> pada peringkat <b>STAM</b>	Mempunyai <b>Diploma</b> dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b>				
		dan	dan	dan	dan				
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Matematik/ Matematik Tambahan</li> <li>• Bahasa Inggeris</li> </ul> dan							
Lulus temu duga yang ditetapkan									
and									
Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 3.0/ 3</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b>									



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اونیورسیتی فنديديقن سلطان ادریس


---

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اونيزسيتى قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



# FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN

Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan STPM	Kelayakan Minimum Lepasan Matrikulasi/ Asasi	Kelayakan Minimum Lepasan STAM	Kelayakan Minimum Lepasan Sekolah Sukan	Kelayakan Minimum Lepasan Diploma/ Setaraf
2.1	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN) DENGAN KEPUJIAN AT03 8 Semester	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>				
2.2	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS KEJURULATIHAN) DENGAN KEPUJIAN AT43 8 Semester	Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>STPM</b>	Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> pada peringkat <b>Matrikulasi/ Asasi</b>		Mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> bagi peringkat <b>Pra Universiti KPM-KPT-MSN</b> (Sekolah Sukan Malaysia; SSBJ/SSMP/ SSTMI / SSMS / SSMT)  dan  <b>Lulus tiga (3) mata pelajaran teras aliran sains / sastera pada peringkat Universiti</b>	Memiliki <b>Diploma</b> dalam mana-mana bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia oleh Senat Universiti dan mendapat sekurang-kurangnya <b>PNGK 2.50</b> dalam mana-mana bidang berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• Sukan/ Rekreasi/ Pendidikan Jasmani/ Kecergasan</li><li>• Sains</li><li>• Sains Kesihatan Bersekutu</li><li>• Sains Sukan &amp; Kejurulatihan</li><li>• Kesihatan</li></ul> atau  Bidang yang relevan dengan program
2.3	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN JASMANI) DENGAN KEPUJIAN AT59 8 Semester	dan	dan	dan		dan
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Matematik/ Matematik Tambahan</b>  dan				
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam mata pelajaran <b>Bahasa Inggeris</b>  dan				
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E</b> pada peringkat <b>SPM</b> dalam <b>mana-mana satu (1)</b> mata pelajaran berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• Sains/ Sains Sukan/ Sains Tambahan/ Fizik/ Kimia/ Biologi</li></ul> dan				
		Sekurang-kurangnya mewakili <b>daerah</b> dalam bidang sukan dan permainan  dan				
		Tidak rabun warna, tidak memiliki ketidakupayaan fizikal kekal, tidak menghidap masalah kesihatan mental dan berupaya mengikuti aktiviti yang dirangka untuk program ini  dan				
		Melepas tahap minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)  dan				
		Lulus temu duga yang ditetapkan  dan				
		Mendapat sekurang-kurangnya <b>Band 2.0/ 2</b> dalam <b>Malaysian University English Test (MUET)</b>				

Bil	Maklumat Program	Kelayakan Minimum Lepasan STPM	Kelayakan Minimum Lepasan Matrikulasi/ Asasi	Kelayakan Minimum Lepasan Sekolah Sukan	Kelayakan Minimum Lepasan Diploma/ Setaraf
2.4	<b>IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SUKAN (REHABILITASI SUKAN) DENGAN KEPUJIAN</b>  AS72  8 Semester	<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>			
